

**Chew Mei Fun, Calon Tepat Bagi PRK Kajang - Pemimpin BN
Bernama
21Feb 2014**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Pemimpin Barisan Nasional (BN) sebulat suara menyokong pemilihan Naib Presiden MCA Datin Paduka Chew Mei Fun yang disifatkan sebagai calon tepat bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang pada 23 Mac ini.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M.Kayveas menyifatkan Chew, 50, sebagai calon paling sesuai berikutan keupayaan dan pengalamannya.

"Beliau tahu bagaimana untuk menarik perhatian pengundi kerana beliau pernah berkhidmat dalam kerajaan persekutuan sebelum ini. Kami menaruh kepercayaan penuh bahawa Chew adalah calon tepat untuk Kajang," katanya kepada pemberita selepas pencalonannya diumumkan Timbalan Pengerusi BN Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Chew, anak kelahiran Pulau Pinang pernah menjadi wartawan, guru dan memegang pelbagai jawatan dalam industri pengiklanan dan kreatif sebelum menceburi politik pada 1991.

Jawatan pertamanya dalam kerajaan persekutuan ialah setiausaha sulit kepada Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ketika itu Teng Gaik Kwan, dan selepas itu dipilih sebagai anggota Parlimen Petaling Jaya Utara dari 1999 hingga 2008.

Kemudian beliau dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dari 2004 hingga 2008 dan pada 2009 dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selepas dilantik sebagai senator.

Beliau kalah di kerusi Parlimen Petaling Jaya Utara selepas dua penggal mewakili kerusi itu kepada Tony Pua dari DAP dalam tsunami politik pada pilihan raya umum 2008.

Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata pemilihan Chew merupakan satu penghormatan besar kepada parti.

"Kami telah mencadangkan seorang calon yang berintegriti dan boleh dipercayai selain berwibawa untuk menunaikan janji-janjinya dengan penuh dedikasi.

"Kami percaya pengundi di Kajang akan membuat pemilihan bijak dengan menyokong calon kami, yang mempunyai pengalaman luas dalam politik," katanya kepada pemberita selepas pengumuman itu.

Liow berkata pilihan raya kecil itu merupakan peluang bagi pengundi di Kajang untuk menegakkan hak mereka dan tidak membenarkan ahli politik mempermainkan proses demokrasi negara.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil pula percaya Chew mampu membawa pembaharuan ke Kajang serta negara.

Sementara Presiden Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) Senator Datuk Syed Kader Ibrahim yakin Chew mampu menunaikan janji-janjinya kepada penduduk Kajang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1016548>